



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



KEMAMPUAN DAN KESEDIAAN MENGERJAKAN IBADAH UMRAH PENDUDUK DI NEGERI UTARA SEMENANJUNG: SATU KAJIAN DI FASA ENDEMIK

*THE ABILITY AND READINESS OF PERFORMING UMRAH WORSHIP IN THE
NORTHERN STATE OF THE PENINSULA: A STUDY IN THE ENDEMIC PHASE*

Fariza Ahmad Mahyadin^{1*}, Wan Nadzri Osman², Herman Shah Anuar³, Adi Irfan Che Ani⁴, Mohd Nasrun Mohd Nawi⁵, Suria Musa⁶, Kamal Imran Mohd Sharif⁷

¹ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: f.ahmad.mahyadin@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: wannadzri@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: herman@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: tdakadcitra@ukm.edu.my

⁵ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: nasrun@uum.edu.my

⁶ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: suriamusa@uum.edu.my

⁷ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: kamalimran@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2023

Revised date: 15.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Mahyadin, F. A., Osman, W. N., Anuar, H. S., Che Ani, A. I., Nawi, M. N. M., Musa, S., & Sharif, K. I. M. (2023). Kemampuan Dan Kesediaan Mengerjakan Ibadah Umrah

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah menjasikan banyak perkara termasuk aktiviti sosial dan ekonomi. Banyak sempadan negara terpaksa ditutup sebagai tindak balas disebabkan penularan wabak berbahaya ini. Bagi umat Islam, antara kesan utama ialah halangan untuk menuaikan umrah dan haji di mana Arab Saudi antara negara yang menutup pintu sempadan negara mereka dari kebanjiran para jemaah haji dan umrah. Namun, selepas banyak negara mula menunjukkan penurunan kes melalui usaha kawalan wabak sama ada melalui proses vaksinasi dan pelbagai usaha lain, Arab Saudi telah pun mula membuka sempadan negara mereka untuk jemaah dari negara lain masuk menuaikan haji dan umrah. Kajian ini dijalankan untuk menilai respons masyarakat di negeri utara semenanjung Malaysia terhadap kemampuan

Penduduk Di Negeri Utara Semenanjung: Satu Kajian Di Fasa Endemik. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 6 (21), 09-19.

DOI: 10.35631/IJEMP.621002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



menunaikan ibadah umrah semasa fasa endemik covid-19. Fokus utama kajian melibatkan penduduk dua buah negeri di utara semenanjung Malaysia iaitu Kedah dan Perlis. Metodologi penyelidikan kuantitatif telah digunakan di mana 1093 respon dikumpulkan dari kedua-dua negeri. Populasi kajian adalah 2 juta orang Islam. Kajian ini penting untuk menilai kecenderungan masyarakat di kedua-dua negeri ini berhubung niat mereka menunaikan umrah dan haji setelah keadaan bertambah baik. Didapati sambutan daripada penduduk di kedua-dua negeri ini amat baik dan amat positif. Mereka menunjukkan minat dan kesanggupan yang kuat untuk menunaikan ibadah umrah seperti tahun-tahun sebelumnya.

Kata Kunci:

Ibadah Umrah, Penduduk Negeri Utara, Semenanjung Malaysia

Abstract:

The world's covid-19 pandemic has affected many things including social and economic activities. Many boundaries of the country have to be closed in response to the spread of this dangerous outbreak. For Muslims, one of the main effects is the obstacle to performing Umrah and Hajj where Saudi Arabia is among the countries that close their country's borders from the influx of pilgrims and pilgrims. However, after many countries began to show a decline in the outbreak of the outbreak either through the vaccination and various other efforts, Saudi Arabia has begun to open their country's borders for other countries to perform the pilgrimage and umrah. This study was conducted to evaluate the response of the people in the northern states of Peninsular Malaysia to the ability to perform Umrah worship during the Covid-19 endemic phase. The main focus of the study involves the people of two states in the north of Malaysia, Kedah and Perlis. The quantitative research methodology was used where 1093 responses were collected from both states. The study population is 2 million Muslims. This study is important to evaluate the tendency of the people in both states on their intention to perform Umrah and Hajj as the situation improves. It was found that the response from the people of both states was very good and very positive. They show strong interest and willingness to perform Umrah worship such as previous years.

Keywords:

Umrah Worship, Northern States, Peninsular Malaysia

Pengenalan

Terletak di Arab Saudi, kota suci Mekah menjadi tuan rumah kepada lebih 8 juta pelawat setiap tahun dan menyumbang USD12 bilion kepada ekonomi Arab Saudi (La Finanza Islamica, 2017). Lazimnya, tujuan para pelawat dari seluruh dunia ke Arab Saudi tertumpu sama ada untuk melaksanakan ibadah haji yang merupakan salah satu daripada lima rukun Islam atau atau mengerjakan ibadah Umrah (Zamani-Farahani & Eid, 2016). Ketika musim Haji, bilangan penduduk ditambah dengan jemaah maka populasi Mekah meningkat sebanyak tiga kali ganda (Eid, 2015).

Amalan ibadah yang lazimnya dilakukan setiap tahun oleh masyarakat Islam di seluruh dunia adalah haji dan umrah. Pensyariatan ibadah haji dan umrah telah disebut di dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t: "Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah." (Al-Baqarah: 196). Ibadah haji hanya diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang mampu dan berkemampuan untuk menunaikannya sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran:

“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.” (Al-Imran: 97). Walau bagaimanapun, ibadah umrah dan haji tidak dapat dijalankan disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan ibadah umrah sudah digantung sejak Mac 2020 (Berita Harian, 2020a). Manakala, masyarakat Islam di Malaysia dan juga di negara lain tidak dapat menunaikan ibadah haji pada tahun 2020 kerana kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan jemaah dalam kalangan rakyat Arab Saudi dan warganegara luar yang sudah berada di negara tersebut sahaja dengan jumlah yang terhad. Ianya diputuskan bagi memastikan ibadah haji yang bermula pada bulan Julai 2020 itu dilakukan dengan selamat ketika pandemik COVID-19 (Sinar Harian, 2020). Kira-kira 1,000 jemaah dibenarkan menunaikan ibadah haji dengan SOP yang ketat antaranya mengamalkan penjarakan fizikal selain menempatkan pasukan perubatan di lokasi berkenaan (Berita Harian, 2021b). Musim haji yang biasanya menyaksikan lebih daripada 2.5 juta umat Islam melakukan perjalanan ke Mekah dikurangkan untuk pertama kalinya dalam sejarah moden kerana pandemik COVID-19 (Kosmo, 2021).

Berbanding ibadah Haji, umrah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sepanjang tahun (Jafari & Scott, 2014). Ibadah umrah selain haji adalah kewajipan umat Islam yang berkemampuan sekali seumur hidup. Haji menurut bahasa ialah menuju atau mengunjungi suatu tempat. Dari segi istilah pula membawa maksud mengunjungi Baitullah (Ka’bah) pada waktu tertentu bagi melaksanakan perkara-perkara tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Manakala pengertian umrah dari segi bahasa adalah ziarah. Umrah dari segi istilah ialah mengunjungi Baitullah pada bila-bila masa bagi melakukan ibadat-ibadat tertentu dengan syarat-syarat tertentu (Mohd et al., 2021).

Firman Allah s.w.t berkaitan kewajipan melaksanakan haji dan umrah: Maksudnya: “Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah” (Surah al-Baqarah: 196). Dari segi waktu pelaksanaan, haji hanya dikerjakan pada bulan-bulan haji yang telah termaklum sahaja, bermula 1 Syawal sehingga seketika sebelum terbit fajar 10 Zulhijjah, manakala ibadah umrah boleh dilakukan pada bila-bila masa sepanjang tahun (Syamsudin Muhammad, t.th). Haji merangkumi enam rukun iaitu berniat ihram, wukuf di Arafah, tawaf, sa’ie, bercukur atau bergunting dan tertib pada kebanyakan rukun, manakala wajib haji juga ada enam iaitu berniat di miqat, meninggalkan segala larangan ihram, bermalam di Mudzalifah, melontar di Jamrah Kubra, melontar di ketiga-tiga jamrah dan bermalam di Mina. Umrah pula hanya mempunyai lima rukun dengan tidak termasuk wukuf dan wajib umrah pula merangkumi berniat ihram di miqat dan meninggalkan segala larangan ihram (Mustafa Al-Bugha, 2013).

Pandemik covid-19 yang melanda dunia sejak akhir 2019 telah merekodkan jutaan kes positif dan rekod kematian yang tinggi di banyak negara. Wabak itu menyebabkan kerajaan Arab Saudi mengenakan sekatan visa dan perjalanan ke atas umrah sejak akhir Februari 2020 bagi mengekang penularan wabak itu. Kerajaan Arab Saudi juga telah memutuskan ketetapan yang sama mengenai pelaksanaan musim haji 1441H dan hanya sebilangan kecil jemaah terpilih sahaja dibenarkan menunaikan haji. Bagaimanapun, di sekitar Oktober 2021, larangan perjalanan mula dilonggarkan. Kerajaan Arab Saudi telah mula melonggarkan syarat untuk Jemaah khususnya umrah menunaikan umrah.

Menurut Salleh Buang (2017), sekurang-kurangnya 136,000 rakyat Malaysia menunaikan umrah pada tahun 2011. Namun begitu, jumlah jemaah umrah Malaysia menurun secara mendadak kepada 90,000 pada tahun 2012. Jumlah ini berkurangan berikutan perluasan kemudahan di Masjidil Haram dan bilangan visa umrah yang dikeluarkan oleh Arab Saudi pada

tahun itu dikurangkan. Sebagai perbandingan, jumlah jemaah haji Malaysia yang pulang umrah meningkat kepada 230,000 pada 2013. Pada 2014, jumlah jemaah umrah meningkat kepada 250,000 dan pada 2015, kepada 290,000. Pada separuh pertama 2017, jumlah jemaah umrah adalah kira-kira 230,000 dan meningkat kepada 274,066 jemaah bagi separuh pertama 2019. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, industri pelancongan umrah Malaysia menyaksikan ledakan melibatkan 573 pengusaha pelancongan berlesen dan agensi pelancongan umrah (Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia, 2020). Di Kedah sahaja terdapat 63 agensi yang menguruskan perjalanan umrah dan di Perlis pula terdapat 4 agensi pelancongan yang terlibat.

Umrah Semasa Pandemik Covid-19

Dalam tempoh hampir 2 tahun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia, ramai rakyat Malaysia terjejas. Ada yang kehilangan pekerjaan, ada yang terjejas dan lebih banyak masalah timbul. Antara sektor yang terjejas teruk ialah sektor berkaitan pelancongan dan ini termasuk agensi pelancongan yang menguruskan perjalanan umrah dan haji.

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan kebenaran pergerakan rentas negeri termasuk ke luar negara selepas Malaysia mencapai kadar vaksinasi 90 peratus daripada populasi dewasa (Vincej, 2022). Ini adalah maklum balas Menteri Kesihatan Malaysia Khairy Jamaluddin yang dengan jelas menyatakan bahawa apabila sempadan mula dibuka, orang ramai perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan. Berita ini merupakan berita yang sangat menggembirakan buat jemaah umrah dari Malaysia yang terpaksa menangguhkan perjalanan (Adnan, 2021) selama hampir dua tahun akibat pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Menurut Helble dan Fink (2020), untuk memulihkan industri pelancongan, adalah penting untuk pihak kerajaan memperkenalkan pendekatan pemulihan secara berperingkat. Pada peringkat awal pandemik, sekatan yang ketat diperlukan menyebabkan industri pelancongan mustahil untuk kembali berkembang dengan pantas. Bagaimanapun, perlahan-lahan sektor pelancongan boleh dibuka semula secara berperingkat mengikut situasi semasa. Sehingga tahun 2022, kerajaan Arab Saudi telah kembali melonggarkan syarat-syarat umrah dimana bakal jemaah memerlukan dos lengkap bagi tujuan mengerjakan ibadah umrah dan haji. Setiap jemaah memerlukan dos lengkap jika berhasrat untuk memasuki Arab Saudi (Halid, 2021). Penerima vaksin sinovac masih boleh menunaikan umrah dengan syarat perlu melengkapkan diri dengan vaksin dos ketiga. Bagaimanapun, bagi tujuan ini, pelbagai langkah berjaga-jaga perlu diambil bagi memastikan proses ibadah umrah jemaah berjalan lancar dan keselamatan jemaah juga terjamin.

Penyataan Masalah

Ketika ini berlaku kenaikan harga pakej umrah yang ditawarkan agensi pelancongan yang mendapat kebenaran membawa jemaah umrah. Kenaikan harga pakej umrah adalah berikutan SOP yang telah ditetapkan iaitu hanya dua jemaah dibenarkan berada dalam satu bilik. Beberapa kos tambahan yang perlu dipertimbangkan termasuk Cukai Nilai Tambah (VAT) hotel di Arab Saudi, ujian saringan Covid-19 untuk jemaah haji dan umrah sebelum bertolak ke tanah suci dan semasa di Arab Saudi dan sebelum pulang. Bagaimanapun, jumlah jemaah yang dibenarkan dalam satu perjalanan masih sama seperti sebelum ini iaitu 30 hingga 40 jemaah berumur 12 tahun ke atas selain dos lengkap vaksinasi.

Dengan pengenalan kepada syarat tambahan, terdapat kenaikan sebanyak RM1,000 di mana kos tambahan termasuk kenaikan yuran visa, kos kit ujian diri, penginapan dan pengangkutan. Ini menjadikan purata kos menunaikan umrah meningkat pada minimum RM6,900 berbanding purata RM5,500 sebelum penularan wabak, seperti dilaporkan pengurus Persatuan Ejen Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh) Datuk Seri Razali Mohd Sham (Halid, 2021). Isu jemaah umrah menjadi berita hangat memandangkan ramai bakal pelanggan tidak jelas dengan garis panduan perjalanan yang disediakan kerajaan. Oleh itu, banyak salah faham berlaku dan mewujudkan keadaan tidak sihat kepada pelanggan juga kepada kerajaan.

Bagi kerajaan pula, masalah komunikasi juga berlaku antara Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Kesihatan. Penyelaras yang sewajarnya antara kedua-duanya adalah wajib bagi Kementerian untuk mengelakkan sebarang konflik timbul. Pengurusan umrah dan haji semasa krisis pandemik ini adalah sukar kerana ini adalah kali pertama banyak pihak mengalami situasi sedemikian. Pengurus Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menekankan bahawa kerajaan Malaysia akan mengumumkan pembukaan semula sempadan tidak lama lagi. Kementerian Kesihatan sedang memuktamadkan Prosedur Operasi Standard untuk pembukaan semula sepenuhnya sempadan sejak penutupan pertama pada 18 Mac 2020. Sementara itu, Kabinet akan memutuskan bahawa SOP perlu diwujudkan sebelum tarikh pembukaan semula boleh diumumkan. Tambahan pula, semakin lama sempadan negara ditutup, semakin teruk keadaan ekonomi (Zainuddin, 2022).

Daripada hujah di atas, ia memberikan justifikasi yang kukuh untuk melihat ibadah umrah di kalangan penduduk Islam Malaysia Utara. Maklum balas mereka mengenai Ibadah Umrah semasa pandemik Covid-19 akan menjadi garis panduan kepada kerajaan untuk melihat perkara itu secara serius. Ini tidak mencerminkan dasar kerajaan semata-mata tetapi memberi kesan kepada industri pelancongan, pengendali perjalanan umrah, agensi, serta industri penerbangan.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sambutan umat Islam dari negeri-negeri utara semenanjung Malaysia yang melibatkan dua negeri iaitu Kedah dan Perlis untuk menunaikan umrah dalam tempoh pandemik Covid-19. Kajian ini penting untuk menilai keupayaan bakal jemaah umrah dan daptan kajian dapat membantu pemain industri pelancongan, kerajaan, industri penerbangan dan ramai pihak berkepentingan yang lain.

Dari segi kemampuan umrah dan haji, terdapat dua jenis kemampuan yang boleh dibincangkan. Mampu terbahagi kepada dua iaitu mampu milik dari segi kesihatan fizikal dan mental serta kesihatan kewangan serta mempunyai kenderaan untuk pergi dan balik.

Manakala dalam aspek kemampuan yang lain, kemampuan tidak langsung bagi umrah atau haji masih boleh dilakukan dengan mengupah orang lain untuk menunaikan haji atau umrah kerana sakit yang tidak mempunyai harapan untuk sembuh atau meninggal dunia (Mustafa Al-Bugha, 2013). Dapat disimpulkan bahawa kemampuan itu boleh diterjemahkan dalam beberapa aspek iaitu kesihatan tubuh badan sekali gus tidak menjelaskan perjalanan pergi dan balik mengerjakan umrah atau haji. Selain itu, kemampuan juga adalah dari segi sumber kewangan yang mencukupi untuk perjalanan pergi dan balik dan menyara keluarga sepanjang peninggalan jemaah ketika menjalankan ibadah umrah atau haji. Ketiga, mempunyai kemudahan kenderaan yang baik dan terakhir, melibatkan perjalanan aman iaitu tiada peperangan, rusuhan atau darurat (Basri Ibrahim, 2009).

Kaedah Kajian

Soal selidik tinjauan digunakan sebagai strategi untuk mengumpul data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua responden. Ia diedarkan kepada penduduk Islam di sekitar negeri Kedah dan Perlis bagi menilai sambutan mereka menunaikan umrah. Ini dilakukan sejurus selepas kerajaan Arab Saudi mula melonggarkan syarat untuk umat Islam menziarahai seterusnya mengerjakan ibadah umrah dan haji di dua tanah Suci Umat Islam.

Populasi kajian adalah 2 juta orang Islam bagi kedua-dua negeri, Kedah dan Perlis. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), sampel yang diperlukan ialah 384. Memandangkan kajian itu berkaitan agama, ia berjaya menarik perhatian umat Islam di mana sebanyak 1093 respons diterima. Semua jawapan adalah jawapan yang lengkap dan sesuai untuk dianalisis. Ini menunjukkan betapa seriusnya orang Islam di kedua-dua negeri itu bertindak balas terhadap isu yang berkaitan dengan agama mereka. Sampel yang melebihi 384 respons yang diperlukan meningkatkan kebolehpercayaan respons. Ini meningkatkan kebolehpercayaan data yang dikumpul.

Analisis Kajian

Demografi

Umur

Secara keseluruhannya, seramai 1039 orang responden terlibat dalam kajian ini. Dari segi umur, majoriti dari responden adalah terdiri dari mereka yang berumur di antara 51 tahun dan ke atas di mana jumlah mereka terdiri dari 44.56% responden dan kedua tertinggi adalah terdiri dari mereka yang berumur 41 hingga 50 tahun seperti yang tertera di dalam Jadual 1.

Pendapatan Isi Rumah

Dari segi pendapatan isi rumah, majoriti dari responden iaitu sebanyak 33.30% mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM5001 sehingga RM10,000 dan 25.22% responden mempunyai pendapatan isi rumah antara RM3,001 sehingga RM 5,000 dan 17.13% responden mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM10,000 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Status Perkahwinan

Jadual 1 menunjukkan status perkahwinan, majoriti dari responden terlibat terdiri dari mereka yang sudah berkahwin iaitu sebanyak 87.10 %, 5.49% terdiri dari ibu atau bapa tunggal dan baki 7.41% adalah mereka yang belum berkahwin.

Negeri Responden Terlibat

Dari keseluruhan responden yang terlibat, seramai 88.45% merupakan responden dari negeri Kedah dan 11.55% terdiri dari responden dari negeri Perlis seperti yang dilampirkan di dalam Jadual 1.

Pengalaman Mengerjakan Ibadah Umrah/Haji

Berdasarkan maklumbalas responden di dalam Jadual 1, sebanyak 47.74% responden telah mempunyai pengalaman mengerjakan ibadah haji atau umrah manakala 52.26% lagi responden belum mempunyai pengalaman haji atau umrah.

Tidak Mempunyai Halangan Ke Luar Negara

Dari aspek halangan ke luar negara, seramai 88.35% responden menyatakan yang mereka tidak mempunyai halangan untuk ke luar negara, 4.04% mempunyai halangan ke luar negara dan baki 7.06% tidak pasti sama ada mereka mempunyai halangan atau tidak untuk ke luar Negara seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Gagal Untuk Mengerjakan Umrah Akibat Pandemik

Jadual 1 memnunjukkan seramai 12.51% responden menyatakan yang mereka sebenarnya telah mendaftar untuk mengerjakan ibadah umrah tetapi gagal untuk ke Tanah Suci disebabkan oleh pandemik Covid-19 manakala majoriti responden tidak mendaftar untuk mengerjakan ibadah umrah ketika pandemic Covid-19 melanda dunia.

Jadual 1: Data Demografik

Bil.	Perkara	Peratusan	Jumlah Responden Sebenar
Umur			
1	20-30 tahun	6.45%	67
2	31-40 tahun	19.63%	204
3	41-50 tahun	29.36%	305
4	51 tahun ke atas	44.56%	463
Pendapatan Isi Rumah			
1	RM1,000-RM3000	24.35%	253
2	RM3,001-RM5,000	25.22%	262
3	RM5,001-RM10,000	33.30%	346
4	Melebihi RM10,000	17.13%	178
Status Perkahwinan			
1	Bujang	7.41%	77
2	Berkahwin	87.10%	905
3	Lain-lain (Duda/Ibu Tunggal/Berpisah)	5.49%	57
Negeri			
1	Kedah	88.45%	919
2	Perlis	11.55%	120
Pengalaman Mengerjakan Ibadah Umrah/Haji			
1	Pernah Mengerjakan Ibadah Umrah/Haji	52.26%	543
2	Belum Pernah Mengerjakan Ibadah Umrah/Haji	47.74%	496
Saya Tidak Mempunyai Halangan untuk ke Luar Negara			
1	Ya	88.35%	918
2	Tidak	4.04%	42
3	Tidak Pasti	7.60%	79
Saya Telah Mendaftar untuk Pakej Umrah Tetapi Gagal ke sana Akibat Pandemik Covid-19			
1	Ya	12.51%	130
2	Tidak	87.49%	909

Kemampuan/Kesediaan Mengerjakan Ibadah Umrah

Berdasarkan kajian yang dijalankan, majoriti dari responden dari negeri Kedah dan Perlis menyatakan hasrat yang mereka mempunyai niat untuk mengerjakan ibadah umrah dalam masa terdekat dimana sejumlah 47.55% responden menyatakan yang mereka bersetuju bahawa mereka mempunyai niat untuk mengerjakan ibadah umrah dalam masa terdekat dan 31.28% responden sangat bersetuju atas tujuan yang sama.

Bercadang untuk Menjalankan Ibadah Umrah Bila Mempunyai Kemampuan Kewangan yang Mencukupi

Majoriti responden bersetuju yang mereka bercadang untuk mengerjakan ibadah umrah bila mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi. Peratusan ini membentuk 43.98% responden menyatakan yang mereka bersetuju dan bercadang untuk mengerjakan ibadah umrah bila mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi dan 42.93% responden menyatakan yang mereka sangat bersetuju atas perkara yang sama.

Mempunyai Simpanan Khas untuk Mengerjakan Umrah

Dalam kajian ini, responden juga ditanya mengenai adakah mereka mempunyai simpanan khas untuk mengerjakan umrah. Berdasarkan soalan kaji selidik ini, 48.70% responden bersetuju yang mereka mempunyai simpanan khas untuk menunaikan ibadah umrah. Manakala 23.29% responden menyatakan yang mereka sangat bersetuju yang mereka mempunyai simpanan khas untuk mengerjakan ibadah umrah. Keseluruhan jumlah ini membentuk 71.99% responden mempunyai simpanan khas untuk mengerjakan ibadah umrah.

Mempunyai Simpanan yang Hampir Cukup/Mencukupi untuk Menegrijakan Ibadah Umrah

Majoriti responden menyatakan yang mereka bersetuju yang mereka mempunyai simpanan yang mencukupi atau hampir mencukupi bagi tujuan untuk mengerjakan ibadah umrah. 46.97% responden bersetuju yang mereka mempunyai simpanan yang mencukupi atau hampir mencukupi untuk mengerjakan ibadah umrah dan 19.73% responden menyatakan yang mereka sangat bersetuju atas tujuan yang sama.

Bercadang Mengerjakan Umrah dalam Masa Terdekat

Sebanyak 62.56% responden menyatakan yang mereka bercadang untuk mengerjakan ibadah umrah dalam masa terdekat. Bagi tujuan ini, 42.73% responden setuju yang mereka bercadang untuk mengerjakan ibadah umrah dalam masa terdekat dan 19.83% responden bersetuju atas tujuan yang sama.

Pakej Umrah yang Ditawarkan

Jadual 2 menunjukkan lebih separuh dari responden terlibat bagi negeri Perlis dan Kedah bersetuju yang pakej ditawarkan adalah berpatutan dengan kemampuan mereka. Jumlah ini membentuk 50.63% responden bersetuju yang pakej ditawarkan adalah berpatutan dan 22.71% responden tidak bersetuju yang harga pakej umrah yang ditawarkan adalah tidak berpatutan.

Jadual 2: Kemampuan/Kesediaan Mengerjakan Ibadah Umrah Penduduk di Negeri Utara Semenanjung

Kemampuan/Kesediaan Mengerjakan Ibadah Umrah	Perkara	Peratus
Saya mempunyai niat untuk mengerjakan ibadah umrah dalam masa terdekat		
1 Sangat Setuju	31.28%	

2	Setuju	47.55%
3	Tidak Setuju	15.69%
4	Sangat Tidak Setuju	5.49%

Saya bercadang untuk menjalankan ibadah umrah bila mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi

1	Sangat Setuju	42.93%
2	Setuju	43.98%
3	Tidak Setuju	6.74%
4	Sangat Tidak Setuju	6.35%

Saya mempunyai simpanan khas untuk mengerjakan umrah

1	Sangat Setuju	23.29%
2	Setuju	48.70%
3	Tidak Setuju	21.66%
4	Sangat Tidak Setuju	6.35%

Saya mempunyai simpanan yang hampir mencukupi/mencukupi untuk mengerjakan ibadah umrah

1	Sangat Setuju	19.73%
2	Setuju	46.97%
3	Tidak Setuju	26.08%
4	Sangat Tidak Setuju	7.22%

Saya dan keluarga bercadang untuk mengerjakan umrah dalam masa terdekat

1	Sangat Setuju	19.83%
2	Setuju	42.73%
3	Tidak Setuju	29.07%
4	Sangat Tidak Setuju	8.37%

Pakej umrah yang disediakan adalah berpatut dengan kemampuan saya

1	Sangat Setuju	17.71%
2	Setuju	50.63%
3	Tidak Setuju	22.71%
4	Sangat Tidak Setuju	8.95%

Kesimpulan

Kesimpulannya, walaupun dilanda krisis pandemik covid-19, masih terdapat permintaan yang tinggi kepada umat Islam di Utara Malaysia untuk menunaikan ibadah umrah. Mereka menunjukkan minat yang tinggi untuk menunaikan umrah walaupun kenaikan harga lantai pakej umrah yang disediakan berikutan peningkatan kos pengurusan umrah. Majoriti responden masih mempunyai niat untuk menunaikan umrah dalam masa terdekat dan mempunyai simpanan khas untuk tujuan tersebut.

Umat Islam dalam kategori umur 30 tahun ke atas menunjukkan lebih 93.55% bersedia menunaikan Ibadah Umrah. Dapatkan kajian menunjukkan 75.65% umat Islam yang berniat menunaikan umrah mempunyai pendapatan isi rumah RM3000 dan lebih. Kestabilan aspek kewangan adalah penting dalam melaksanakan ibadah tersebut.

Menariknya, dilaporkan bahawa 87% bakal jemaah umrah adalah pasangan suami isteri. Ini menandakan bahawa melakukan ibadah bersama pasangan dan keluarga mempunyai lebih banyak ikatan kekeluargaan yang seterusnya mengeratkan hubungan kekeluargaan. 88.45% responden adalah dari negeri Kedah manakala bakinya dari negeri Perlis. Tidak hairanlah perkara ini berlaku kerana Negeri Kedah mempunyai penduduk Islam yang lebih ramai berbanding negeri Perlis.

Potensi kurang pengalaman jemaah umrah berminat untuk menunaikan dengan 52.26% manakala selebihnya mahu terus pulang menunaikan umrah. Mereka sanggup melabur untuk melawat Tanah Suci kerana keghairahan dalam melakukan ibadah. 11.1% responden menyebut tentang sekatan perjalanan mereka. Selebihnya yakin dengan keadaan mereka untuk menunaikan ibadah Umrah.

87.49 % responden menyatakan bahawa mereka masih belum mendaftar dengan Agensi Pelancongan Umrah kerana ketidaktentuan yang berlaku sekarang. Mereka berada dalam kategori di mana apabila sekatan perjalanan ditarik balik oleh kedua-dua kerajaan, mereka pasti akan mendaftar.

Secara ringkasnya, dalam apa juu situasi yang berlaku, minat yang kuat masih wujud di kalangan umat Islam utara Malaysia untuk menunaikan umrah dan haji. Adalah menjadi harapan mereka agar pandemik covid-19 ini berakhir dan mereka sanggup berkorban untuk mematuhi mana-mana Prosedur Operasi Standard yang disediakan oleh pihak berkuasa. Matlamat utama mereka hanya satu, dapat mengerjakan Umrah Ibadah dan Haji.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Universiti Utara Malaysia. Walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan oleh penulis tidak semestinya mencerminkan pandangan mana-mana organisasi.

Rujukan

- Adnan, A. S. (2021). Pilgrims Urged to Postpone Umrah Plan in Light of Omicron Transmission, New Straits Times, Dec 30, 2021, retrieved on Feb 20, 2022 from <https://www.msn.com/en-my/news/national/pilgrims-urged-to-postpone-umrah-plan-in-light-of-omicron-transmission/ar-AASgPDH>
- Basri Ibrahim. (2009). Isu-Isu Fiqh Semasa Halal & Haram (Jilid 1). Selangor: Al-Hidayah.
- Eid, R. (2015). Integrating Muslim Customer Perceived Value, Satisfaction, Loyalty and Retention in The Tourism Industry: An empirical study. *International Journal of Tourism Research*, 17(3), 249-260.
- Berita Harian. (2020a, June 16). Arab Saudi serba salah mengenai ibadat haji berikutan COVID19. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/06/700892/arab-saudi-serba-salah-mengenaiibadat-haji-berikutan-covid-19>
- Sinar Harian. (2020, June 23). Ibadah haji dibuka untuk umat Islam di Arab Saudi sahaja. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/89058/BERITA/Nasional/Arab-Saudi-hadkanjumlah-jemaah-haji-negaranya>

- Berita Harian. (2021b, May 10). Arab Saudi benarkan haji dengan syarat khas. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2021/05/815493/arab-saudibenarkan-haji-dengan-syarat-khas>
- Kosmo. (2021, May 10). Ibadah haji 2021 diteruskan dengan syarat khas. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.kosmo.com.my/2021/05/10/ibadah-haji-2021-diteruskan-dengansyarat-khas/>
- Mohd, H., Hashim, J., Wan Khairuldin, W.M.K.F. & Md. Reshad, H.F. (2021). Implikasi Pandemik Covid-19 terhadap Ibadah Haji dan Umrah musim 1441H serta penyesuaianya menurut Fiqah Mazhab Syafie [Implications of Covid-19 Pandemic on Hajj and Umrah season 1441H and adjustment according to Fiqh Mazhab Syafie]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 26-35.
- Mustafa. Al-Bugha, (2013). *Al-Fiqh al-Manhaj*. Beirut: Dar AL-Syamiah.
- Halid, S. (2021). Sinovac Vaccine Recipients Need Third Dose to Perform Umrah, New Straits Times, October 12, 2021 @ 8:09pm, retrieved on Dec 20, 2021 from <https://api.nst.com.my/news/nation/2021/10/735946/sinovac-vaccine-recipients-need-third-dose-perform-umrah>
- Helble, M., & Fink, A. (2020). Reviving Tourism Amid the COVID-19 Pandemic, ADB BRIEFS, NO. 150-SEPTEMBER 2020, 1-13, retrieved on Jan 30, 2022 from <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/633726/reviving-tourism-amid-covid-19-pandemic.pdf>. DOI: <http://dx.doi.org/10.22617/BRF200245-2>
- http://www.lafinanzaislamica.it/wpcontent/uploads/2017/01/SALAAM1201201_7075243.pdf
- Jafari, J. & Scott, N. (2014). Muslim world and its tourisms. *Annals of Tourism Research*, 44, 1-19.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- La Finanza Islamica (2017). Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia, ‘Senarai Syarikat yang Mempunyai Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah’<http://www.motac.gov.my/semaikan/umrah> > accessed 23rd September 2020.
- Salleh Buang (2017). Increase in Fraud Packages, New Straits Times, 2021 retrieved on Aug 11, 2021 from <https://www.nst.com.my/news/2017/01/201965/increase-fraudpackages>
- Vincej, V. (2022). Malaysia Likely to Reopen in The Second Quarter, Says Government, Traveling Lifestyle, rtrivd on Feb 20, 2022, from <https://www.travelinglifestyle.net/malaysia-reopening-borders-tourists/>
- Zainuddin, F. (2022). Government to announce reopening of borders soon, says Muhyiddin, Free Malaysia Today, Feb 22, 2022, retrieved on Feb 22, 2022 from <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/02/22/govt-to-announce-reopening-of-borders-soon-says-muhyiddin/>
- Zamani-Farahani, H. & Eid, R. (2016). Muslim world: A Study of Tourism & Pilgrimage among OIC Member States. *Tourism Management Perspectives*, 19, 144-149.